

29 JUN 1999

Kempen-Reaksi

LANGKAH PENDEKKAN TEMPOH KEMPEN DISAMBUT BAIK

KOTA BAHARU, 29 Jun (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Kelantan menyambut baik cadangan kerajaan untuk memendekkan tempoh berkempen bagi pilihan raya umum akan datang bagi memastikan keselamatan dan mengekalkan ketenteraman awam khususnya di Kelantan .

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Kelantan, Datuk Ariffin Abdul Hamid berkata, langkah itu dapat mengurangkan ketegangan di kalangan penyokong parti pembangkang yang dikatakan bersikap ekstrim.

"Saya rasa kerajaan telah memikirkan secara mendalam perkara itu yang mungkin boleh berlaku terutama di kalangan penyokong parti lawan dan serpihan Umno," katanya ketika dihubungi di pejabatnya di sini, hari ini.

Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sengaja memilih tempoh berkempen yang pendek untuk pilihan raya semata-mata bagi mengelakkan berlaku kekacauan di kalangan awam.

Dr Mahathir berkata langkah itu berdasarkan sikap parti lawan yang suka membuat tuduhan yang boleh menimbulkan ketegangan.

Ariffin berkata cadangan seperti itu dianggap sesuai dengan kehendak PAS di Kelantan kerana parti itu telah berkempen dan berceramah sepanjang masa.

Sementara itu Ketua Pemuda Pas Kelantan, Takiyuddin Hassan berkata bagi PAS ia tidak menimbulkan masalah kerana parti itu telah lama berkempen dan memberi penjelasan kepada orang ramai dan malahan semua jentera pilihan raya parti itu kini berada dalam keadaan bersiap sedia.

Bagaimanapun beliau mempersoalkan tindakan kerajaan BN yang cuba memendekkan tempoh kempen itu sedangkan Suruhanjaya Pilihan Raya memperuntukkan antara tujuh dan 60 hari selepas pembubaran Parlimen untuk berkempen.

Menurut beliau, tindakan itu menunjukkan seolah-oleh Dr Mahathir kurang yakin dengan penyokong Umno yang sering membantah sekiranya calon yang dipilih itu tidak menepati kehendak mereka.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Kubang Kerian, Datuk Haji Ahmad Rusli Ibrahim berkata, keputusan itu menandakan sikap mengambil berat Dr Mahathir terhadap parti serta prestasi calon yang bertanding dan bukannya kerana panjang atau pendeknya masa berkempen.

"Tempoh yang pendek juga dapat menyelamatkan masa, wang dan rakyat tidak tertipu dengan pelbagai isu segera oleh pihak pembangkang semasa berkempen," kata Ahmad Rusli yang juga bekas Exco Pemuda pusat Parti Melayu Semangat 46.

-- BERNAMA

MNR PR